

Malaysia catat jumlah kematian perkapita tertinggi di rantau ASEAN

Berita Harian (17/1/2022) Page 8

Kuala Lumpur: Sejumlah 3,010 kes baharu COVID-19 direkodkan setakat jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata peningkatan kes itu menjadikan seramai 2,808,347 individu di negara ini dijangkiti virus berkenaan, setakat ini.

Sementara itu, sebanyak 19 kematian akibat COVID-19 dilaporkan setakat jam 7.48 pagi semalam, menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 31,781 orang.

Daripada jumlah itu, 31.6 peratus atau enam pesakit meninggal dunia sebelum dibawa ke hospital.

Berdasarkan data menerusi laman sesawang GiTHub Kementerian Kesihatan (KKM), Malaysia mencatat jumlah kematian perkapita tertinggi di rantau ASEAN dan Asia Timur dengan 963 kematian bagi setiap satu juta penduduk.

Jumlah kematian tertinggi dilaporkan di Selangor membabitkan lima mangsa, diikuti masing-masing tiga di Perak dan Sabah, dua di Pulau Pinang dan Terengganu dan masing-masing satu di Melaka dan Kuala Lumpur.

Lapan negeri yang merekodkan sifar kes kematian baharu ialah Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Sara-

wak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya.

Sejumlah 17 daripada 19 kes kematian yang dilaporkan (89.5 peratus) berlaku dalam tempoh seminggu lalu.

Baki kematian berlaku lebih seminggu lalu dan hanya dilaporkan kelmarin berikutan penangguhan dalam pelaporan data.

Purata 25 kematian akibat COVID-19 dilaporkan setiap hari dalam tempoh 30 hari, berbanding purata 18 kematian dalam tempoh tujuh hari, sekali gus menunjukkan penurunan.

Dalam perkembangan lain, seramai 2,773,263 individu atau 88.1 peratus daripada

populasi remaja di negara ini lengkap menerima vaksin COVID-19, setakat jam 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi laman COVIDNOW, sebanyak 2,861,246 individu atau 90.9 peratus daripada kumpulan berusia 12 hingga 17 tahun itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa, sejumlah 22,902,459 individu atau 97.8 peratus daripada mereka sudah melengkapkan vaksinasi, manakala 23,182,938 individu atau 99 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.



Dr Noor Hisham